

# PERTANDINGAN REKACIPTA & INOVASI 2010

## MEMBUKTIKAN PENGUASAAN UniMAP DALAM BIDANG INOVASI

Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjadi satu lagi kenangan indah bagi pelajar UniMAP yang menyertai Pertandingan Rekacipta & Inovasi 2010 anjuran UMP. Pertandingan yang berlangsung selama 3 hari yang bermula dari 1 hingga 3 Oktober 2010 ini sekali lagi memperlihatkan kesungguhan barisan penyelidik muda yang mewakili Kelab EYReC UniMAP kerana sekali lagi telah mencatatkan kejayaan 100 % di pertandingan ini.



UniMAP telah menghantar sebanyak 5 produk untuk pertandingan yang julung kali diadakan oleh UMP ini. Pertandingan yang bertemakan 'Innovation For Life' ini telah menggariskan 5 kriteria utama dalam pemarkahan oleh para juri, iaitu keaslian, kebolehgunaan, tahap dan status kesediaan pemasaran produk, nilai komersial produk dan juga persemaahan semasa sesi penjurian. Antara produk yang telah mewakili UniMAP ke pertandingan ini dan mencatatkan kejayaan adalah ;

NAMA PENYELIDIK	NAMA PRODUK	PINGAT	PPK
Foo Kai Loong Su Natasha Mohamad	50 nm Silicon Nanogap – For Nanotechnology Based Medical Device Application	Perak	Mikroelektronik
Azizullah Saifullah Muhammad Emi Azri Shohini	Nanogap Automated Permittivity Measurement System For DNA Hybridization Detection	Gangsa	Mikroelektronik
Nornikman Hasan	Huskober – A Novel Pyramidal Microwave Absorber Using Rice Husk	Gangsa	Komputer dan Perhubungan
Nur Zawatil Isqi Zakaria Abu Hassan Abdullah	ENVIROSens : Innovation For Life	Gangsa	Mekatronik
Nurul Azma Mohd Rosli Sallehudin Mahusi	Intelligent Quality Assessment (i-QA) Of Local Fruits : Innovation For Life	Gangsa	Mekatronik